

Banjir kilat makin buruk

Pengguna Persiaran Sungai Buloh kesal terpaksa tanggung risiko



Banjir kilat di Persiaran Sungai Buloh menyusahkan pengguna untuk ke Kota Damansara.

IZWAN ROZLIN

PETALING JAYA – Banjir kilat di Persiaran Sungai Buloh semakin buruk setiap kali hujan lebat.

Tinjauan *Sinar Harian* semalam mendapati air bertakung di jalan utama menuju ke Seksyen 6 Kota Damansara menyebabkan kesesakan teruk.

Rata-rata pengguna ditemui berasa kesal kerana masalah yang berlarutan sejak sekian lama itu sehingga kini masih tidak menemui jalan penyelesaian.

Penduduk Seksyen 6, Hizir Ali, 35, berkata, aduan mengenai masalah tersebut sudah dibuat kepada pihak berwajib namun tiada tindakan diambil untuk mengatasinya.

“Banjir kilat ini pernah menyebabkan saya terjatuh dari motosikal kerana air bertakung agak

“ **Banjir kilat ini pernah menyebabkan saya terjatuh dari motosikal kerana air bertakung agak dalam.”**

Hizir

dalam,” katanya.

Menurutnya, kejadian tersebut berlaku pada awal pagi berikutan keadaan jalan agak gelap namun dia bernasib kerana tiada kenderaan lain mengekorinya dari belakang yang boleh menyebabkan pelanggaran.

Sementara itu, peniaga, Shahbudin Mahmud, 44, berpendapat, sistem perparitan di laluan berkenaan perlu dinaik taraf.

“Lubang-lubang bagi membolehkan air mengalir perlu di-

buat di tepi dan tengah pembahagi jalan bagi melancarkan perjalanan air.

“Air bertakung disebabkan jalan itu rendah malah disebabkan itu jalan turut rosak dan berlubang-lubang,” katanya.

Shahbudin berkata, pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya wajar mengambil tindakan drastik bagi mengatasi masalah terbabit.

Difahamkan, kejadian banjir kilat juga pernah merosakkan beberapa buah kereta dua minggu lalu berikutan air tiba-tiba naik secara mendadak di jalan itu.

Selain itu, masalah tersebut turut menyebabkan kesesakan teruk jika banjir berlaku pada waktu puncak kerana merupakan laluan utama kenderaan dari Lebuhraya Sungai Buloh untuk ke Kota Damansara.